

"Biar mahkamah tentukan" – Keng Yaik

UM - 17/6/2007

PANTAI REMIS 16 Jun – Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik menegaskan bahawa beliau hanya akan mendedahkan perjanjian konsesi bekalan air Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) jika diarahkan mahkamah.

Beliau berkata, buat masa ini beliau tidak boleh berbuat demikian selepas dinasihati oleh Peguam Kanan kementerian, malah langkahnya itu turut dipersetujui oleh Kabinet.

"Saya tidak ada masalah untuk mendedahkan dokumen perjanjian konsesi itu, tidak ada apa yang perlu saya sembunyi-

kan.

"Bagaimanapun, pada masa sama saya tidak boleh berbuat demikian kerana terikat di bawah Akta Rahsia Rasmi, jadi lebih baik pihak mahkamah yang menentukan," katanya kepada pemberita selepas majlis pecah tanah pembinaan Klinik Kesihatan Pantai Remis di sini hari ini.

Semalam, sebuah akhbar bahasa Inggeris melaporkan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (Bahagian Rayuan dan Kuasa-Kuasa Khas) membenarkan Kongres Kesatuan Se-kerja Malaysia (MTUC) dan 13 pihak lain mengemukakan semakan kehakiman ke

atas Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi.

Semakan kehakiman itu berasaskan kepada tindakan Keng Yaik yang sebelum ini enggan mendedahkan dokumen berkaitan penswastan air dengan Syabas kepada awam.

MTUC bersama 13 pihak termasuk dua kanak-kanak meminta Keng Yaik mendedahkan dokumen perjanjian konsesi terbabit selepas Syabas bertindak menaikkan tarif air sebanyak lima peratus pada November tahun lalu.

Kenaikan tarif itu telah mendapat kelulusan Kabinet selepas Syabas berjaya me-

ngurangkan pengeluaran air tidak membawa hasil sebanyak lima peratus hasil projek penggantian paip.

Sementara itu, Keng Yaik berkata, kementeriannya akan memberi perkhidmatan Internet jalur lebar alternatif kepada orang ramai selepas perkhidmatan sedia ada iaitu Streamyx yang disediakan Telekom Malaysia sering terganggu dan menyusahkan pengguna.

Katanya, perkhidmatan Internet Streamyx sering terganggu kerana Telekom Malaysia masih menggunakan kabel tembaga yang mudah rosak.